



PROGRAM SKIM KHIDMAT NASIHAT PERNIAGAAN

PENGENALAN

Skim Khidmat Nasihat Perniagaan merupakan satu kemudahan yang disediakan bagi membantu menyelesaikan masalah atau meningkatkan prestasi dan produktiviti usahawan/syarikat melalui khidmat nasihat yang berkualiti dan berkesan yang dikendalikan oleh panel pemudahcara MARA. Ia bertindak sebagai satu pusat setempat ('one-stop centre') yang mempunyai kemahiran pelbagai dalam bidang khidmat nasihat untuk ditawarkan kepada usahawan bumiputera.

Skim ini ditumpukan kepada perniagaan persendirian/perkongsian atau syarikat Sendirian Berhad/Berhad atau koperasi bumiputera yang sedang beroperasi.

Usahawan yang menjadi sasaran di bawah skim ini terdiri daripada tiga (4) kategori:

- a) Usahawan yang mendapat pembiayaan MARA tetapi menghadapi masalah untuk membayar balik pembiayaan.
- b) Perniagaan persendirian / perkongsian atau syarikat Sendirian Berhad / Berhad bertaraf bumiputera (51% pegangan saham bumiputera).
- c) Perniagaan sudah beroperasi 6 bulan atau lebih dan mempunyai pendaftaran perniagaan serta mempunyai kebenaran tertentu dalam menjalankan perusahaan.
- d) Perniagaan mempunyai potensi untuk berkembang dan memerlukan peningkatan dari pelbagai aspek (e.g pemiawaian, proses pengeluaran, pemasaran, dll).
- e) Usahawan yang boleh memberi komitmen sepenuhnya terhadap program.
- f) Perniagaan yang memberikan impak ke atas Pelan Strategik Negara dan memberi 'spill-over benefit' ke atas usahawan bumiputera yang lain.
- g) Keutamaan untuk bidang pembuatan yang mampu bersaing di pasaran terbuka.

TUJUAN

Skim ini diwujudkan bertujuan untuk

- a) Meningkatkan prestasi dan produktiviti usahawan/syarikat melalui khidmat nasihat dan perundingan yang berkualiti dan berkesan.
- b) Sebagai kemudahan sokongan khidmat tenaga professional dan satu cara pemusatan aktiviti kepada perunding-perunding yang menjalankan khidmat bimbingan.
- c) Membolehkan usahawan mendapat khidmat kepakaran dalam aspek-aspek yang boleh membantu meningkatkan dan menjayakan Perusahaan yang dijalankan.

SKOP AKTIVITI DI BAWAH SKNP

Skop aktiviti di bawah SKNP meliputi :

a) Diagnostik Perniagaan

Bertujuan mengenalpasti masalah, peluang dan perancangan yang strategik kepada usahawan atau syarikat. Ia merupakan peringkat awalan khidmat nasihat berkenaan kesesuaian dan kesediaan syarikat dalam mengikuti Skim Khidmat Nasihat Perniagaan serta memberi alternatif/cadangan asas kepada syarikat.

b) Pengurusan dan Pembangunan

Ia merupakan perkhidmatan lanjutan dari khidmat nasihat diagnostik dan lebih terperinci dari Pemudahcara. Pemudahcara akan membangunkan pelan strategik serta bajet yang bersesuaian kepada syarikat/usahawan. Jenis khidmat nasihat adalah pelbagai mengikut keperluan dari masa ke semasa. Bertujuan untuk memantapkan perusahaan ke satu tahap sehingga mampu untuk mengatasi masalah dan terus bertahan dalam perniagaan. Pemudahcara akan menganalisa punca permasalahan syarikat/usahawan dan memberi jalan penyelesaian agar syarikat/usahawan dapat menyusun dan menstruktur semula strategi perniagaan.

c) ICT/Perakaunan Berkomputer

Bertujuan membangunkan sistem operasi perniagaan sesebuah syarikat agar lebih sistematik dan teratur. Sebagai contoh pembangunan sistem perakaunan, kawalan stok, lukisan teknikal dan sebagainya.

d) Pembangunan Konsep

Merupakan perkhidmatan kepada usahawan yang ingin membangunkan konsep baru untuk mengembangkan pasaran.

e) Pemasaran

Memberi khidmat nasihat dalam pembangunan strategi pemasaran terhadap sesebuah produk atau perkhidmatan. Membantu usahawan bumiputera yang terlibat dalam pengeluaran pelbagai jenis produk untuk meneroka serta merebut peluang pasaran, melebarkan saiz pasaran sedia ada dan meningkatkan daya saing dalam pasaran terbuka.

f) "Business Coaching"

"Business coaching" merupakan satu kaedah bimbingan untuk meningkatkan keupayaan 'seseorang' di dalam selok-belok perniagaan untuk pencapaian maksima terhadap objektif sesuatu perniagaan.

Di antara aspek yang difokuskan oleh 'coaches' termasuk:

- a. Pengurusan dan Pentadbiran perniagaan
- b. Memahami pasaran
- c. Proses kerja sesuatu tugas (lebih efektif dan efisien)
- d. Perkembangan perniagaan (cth: memasuki pasaran yang tidak diketahui wujud oleh usahawan)
- e. Maklumbalas yang jujur tentang kelemahan dan kekuatan syarikat
- f. Motivasi

g) Mesin dan Pengeluaran

Ia adalah bertujuan membangunkan pengurusan penggunaan teknologi seperti mesin, peralatan atau jentera dalam sesebuah perniagaan yang menjalankan perusahaan pemprosesan atau pembuatan.

h) Good Manufacturing Process (GMP)

GMP atau lebih dikenali Amalan Pengilangan Baik adalah suatu sistem kawalan operasi bertujuan untuk menentukan produk-produk makanan dan minuman dihasilkan secara konsisten pada kualiti yang ditetapkan mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh KKM.

Ia adalah peraturan yang menerangkan kaedah alat-alatan, kemudahan, infrastruktur dan kawalan yang diperlukan untuk mengeluarkan:

- i. makanan terproses
- ii. produk ubatan, etc.

i) Hazard Analysis Control of Critical Points (HACCP)

HACCP atau 'Analisis Bahaya Kawalan Titik Kritikal' merupakan satu teknik pengurusan keselamatan makanan yang berkesan dan teratur. Ia merupakan alat untuk menjangka bahaya dan mendirikan sistem kawalan yang memfokuskan kepada pencegahan daripada bergantung harap kepada ujian analisis produk akhir.

Syarat Tambahan :

- * Syarikat perlu mempunyai dana yang mencukupi untuk melaksanakan renovasi kilang dan pembelian alatan berkaitan.
- * Syarikat perlu mempunyai Ahli Teknologi Makanan/pekerja terlatih untuk mengendalikan program GMP/HACCP (dokumentasi & implementasi).

j) Pembangunan Halal

Permintaan terhadap produk Halal yang tinggi serta kesukaran menentukan asas produk, telah meningkatkan keprihatinan pengguna terhadap kualiti dan kesahihan sesuatu produk itu. Program ini bertujuan untuk membantu usahawan memenuhi elemen-elemen yang telah digariskan oleh JAKIM melalui khidmat nasihat penyediaan, aliran pemprosesan, penyimpanan, pembungkusan, pengendalian dan pengangkutan bagi makanan, minuman dan lain-lain yang berkaitan.

k) International Standard Organisation (ISO)

ISO (International Organization for Standardization) ialah standard bertulis yang menetapkan dan menerangkan elemen-elemen asas yang perlu ada dalam sistem kualiti bagi memastikan produk atau perkhidmatan yang diberikan oleh sesebuah organisasi dapat memenuhi kehendak pelanggan.

l) Pensijilan

Bagi syarikat-syarikat yang telah selesai mengikuti pembangunan GMP / HACCP / ISO dan ingin memohon pensijilan dari Kementerian Kesihatan Malaysia, SIRIM atau mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf, mereka boleh mendapatkan peruntukan pensijilan bagi membiayai yuran audit pensijilan tersebut.

m) Analisa Pelabelan Pemakanan ('Nutritional Fact')

ia adalah bertujuan menjalankan analisa perlabelan pemakanan ke atas produk makanan yang dikeluarkan oleh usahawan bumiputera. Perlabelan dapat memberi maklumat mengenai kandungan nutrien dan membantu pengguna membuat pemilihan produk dengan bijak serta mengetahui kualiti pemakanan.

KUMPULAN SASAR

- a) Perniagaan persendirian / perkongsian atau syarikat Sendirian Berhad / Berhad bertaraf bumiputera (51% pegangan saham bumiputera).
- b) Perniagaan sudah beroperasi 1 tahun atau lebih dan mempunyai pendaftaran perniagaan serta mempunyai kebenaran tertentu dalam menjalankan perusahaan.
- c) Perniagaan mempunyai potensi untuk berkembang dan memerlukan peningkatan dari pelbagai aspek (e.g pemiawaian, proses pengeluaran, pemasaran,dll).
- d) Usahawan yang boleh memberi komitmen sepenuhnya terhadap program.
- e) Keutamaan untuk bidang pembuatan yang mampu bersaing di pasaran terbuka.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

Syarat Pemohon seperti berikut:

- a) Perniagaan persendirian / perkongsian atau syarikat Sendirian Berhad / Berhad bertaraf bumiputera (51% pegangan saham bumiputera).
- b) Perniagaan sudah beroperasi 1 tahun atau lebih dan mempunyai pendaftaran perniagaan serta mempunyai kebenaran tertentu dalam menjalankan perusahaan.
- c) Perniagaan mempunyai potensi untuk berkembang dan memerlukan peningkatan dari pelbagai aspek (e.g pemiawaian, proses pengeluaran, pemasaran,dll)
- d) Usahawan yang boleh memberi komitmen sepenuhnya terhadap program

- e) Keutamaan untuk bidang pembuatan yang mampu bersaing di pasaran terbuka
- f) Borang permohonan yang lengkap dan dokumen berkaitan perlu diserahkan kepada mana-mana Pejabat MARA Negeri (PMN) atau Daerah (PMD) yang berdekatan.

PENUTUP

Skim Khidmat Nasihat Perniagaan merupakan sebuah program pembangunan usahawan yang memfokuskan kepada usaha untuk meningkatkan keupayaan usahawan Bumiputera supaya lebih cekap, berdaya maju dan seterusnya dapat bersaing di peringkat antarabangsa.

CARTA ALIR PROSES KERJA SKIM KHIDMAT NASIHAT PERNIAGAAN (SKNP)

